

Hanya boleh diatasi dengan jimat belanja

Kemelesetan: PM ulangi ingatannya

28 SEP 1989

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi peringatan bahawa kemelesetan ekonomi hanya boleh diatasi dengan penjimatan belanja dan meningkatkan daya pengeluaran.

"Sekarang kos pengeluaran bahan-bahan mentah di Malaysia adalah lebih tinggi daripada kos di negara-negara lain yang mengeluarkan bahan yang sama," katanya di perasmian Perhimpunan Agung Umno ke-36 hari ini.

Beliau berkata, jika kos penge-

luaran ini tidak dikurangkan dan daya pengeluaran tidak ditingkatkan, harga barangan yang dihasilkan tidak dapat bersaing di pasaran dunia.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan bahawa pemulihan ekonomi negara tidak bergantung kepada kerajaan sahaja.

Kebaikan

"Kita semua, sama ada majikan atau pekerja juga bertanggungjawab. Jeritan dan pekikan pekerja dan analisa oleh pakar di seminar dan bengkel-bengkel tidak akan

membawa apa-apa kebaikan selagi kita semua tidak bersikap bertanggungjawab," katanya.

Di samping itu, katanya, kerajaan juga berusaha mengurangkan hutang negara bagi mengelakkan menanggung beban membayar hutang dan juga faedahnya di masa depan.

"Bukanlah maksud saya bahawa negara tidak boleh berhutang sama sekali. Kita boleh berhutang. Bahkan kita harus meminjam dan kerap kali kita mendapati nilai mata wang yang digunakan sewaktu membayar adalah lebih rendah daripada nilainya di waktu kita meminjam," katanya.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan bahawa pembangunan negara tidak lagi boleh dilaksanakan dengan pesat seperti dahulu.

Projek dan subsidi terpaksa dikurangkan dan barang-barang mewah dari luar negeri hendaklah dikurangkan pembeliannya baik oleh kerajaan mahu pun rakyat.

Perdana Menteri juga menjelaskan, meskipun menghadapi tekanan kemelesetan ekonomi, kerajaan tidak boleh menangguhkan projek yang telah 'diikat' yang kontraknya dikeluarkan sebelum kesan kemelesetan itu dirasakan.

"Jika dibatalkan, maka bayaran pampasan yang tinggi terpaksa dibayar kepada pihak-pihak berkenaan. Ini bermakna kerugian tanpa sebarang hasil," katanya.

Sebab itu, jelasnya, kerajaan meneruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur yang memberi pulangan wang.

"Kita harus meneruskan projek yang berfaedah kerana jika tidak, industri pembinaan akan terhenti. Ini bermakna bukan sahaja majikan akan rugi tetapi juga pekerja, pembekal, pekedai, penjaja, perusahaan kenderaan dan lain-lain pihak akan turut rugi," katanya.

Menurut Perdana Menteri lagi, hasil pengurusan kewangan yang lebih berhati-hati, kedudukan kewangan negara menjadi lebih sihat berbanding bukan sahaja negara-negara serantau tetapi negara membangun di seluruh dunia.